



Perkhidmatan Percetakan Bermutu

LITOGRAFI, OFTSET

*** BUKU TEKS, MAJALAH
& BULETIN**

*** POSTER & KALENDAR DLL.**

*** KATALOG & RISALAH**

UNITED SELANGOR PRESS SDN. BHD.

8 & 10, JALAN LENGKONGAN BRUNEI,

OFF PUDU, KUALA LUMPUR,

SELANGOR, WEST MALAYSIA,

TELEPHONE:- 03-481090 & 03-487336



PENGARANG


TAJUK *Pipeng 164 liter perat*

HARGA *B330*

PKS



Taiping
Kota Perak



Taiping

Ibukota Perak

Oleh
PROF. KHOO KAY KIM

COMES

diterbitkan oleh
PERSATUAN MUZIUM MALAYSIA
d/a Muzium Negara
Kuala Lumpur.

Penyelenggara dan Penyelaras: Jazamuddin Baharuddin (Kurator Kehormat).

Rekabentuk: Shahnun Abdullah dan Mohd. Idris Shariff.

Gambar-gambar: dengan Ikhsan Muzium Negara.

Cetakan Pertama 1981

© Prof. Khoo Kay Kim

234300

M
959-5114
KHO

dicetak oleh
Percetakan United Selangor Sdn Bhd.
Kuala Lumpur.
HARGA: \$3.00

22 JUN 1989
Perpustakaan Negara
Malaysia

Kata-kata Aluan

KEPADA pelajar-pelajar sejarah tempatan nama Taiping bukanlah merupakan satu nama yang asing lagi kepada mereka kerana bandar itu telah menjadi saksi kepada banyak peristiwa bersejarah yang mana ada di antaranya telah menentukan corak pemerintahan dan perkembangan sistem ekonomi dan pelajaran negara hari ini.

Betapa tidak, bermula dari peristiwa-peristiwa penemuan bijih timah di daerah itu, perkelahian di antara pengusaha-pengusaha Cina lombong-lombong tersebut telah membawa kepada campurtangan secara langsung pihak Inggeris di dalam sistem politik negeri Melayu yang pertama di Perak yang bermula dengan termetrinya Perjanjian Pangkor 1874. Implikasi dari perjanjian itu telah banyak merobah sistem politik, ekonomi dan sosial negara ini. Serentak dengan itu, perkembangan ekonomi pula menyebabkan Taiping menjadi terkenal kerana menjadi bandar yang pertama di negara ini yang dapat dihubungi dengan keretapi bilamana dalam tahun 1885 landasan keretapi yang pertama telah dibina untuk menghubungkan Taiping dengan Port Weld.

Selepas itu bandar Taiping telah menyaksikan banyak lagi peristiwa-peristiwa bersejarah yang mana di antaranya ada dirakamkan di dalam buku ini.

Persatuan Muzium Malaysia berasa amat bangga kerana telah dapat mengeluarkan buku ini sebagai sumbangannya untuk masyarakat masa kini dan juga jenerasi kita yang akan datang. Ianya dikeluarkan bersempena dengan satu lagi peristiwa bersejarah di bandar ini iaitu pelancaran kempen perlindungan warisan sejarah dan budaya negara di peringkat kebangsaan dan juga perasmian balai Sejarah Perak di Muzium Perak.

Ini bukanlah kali pertama atau kali terakhir Muzium Negara menerbitkan karya-karya sejarah. Walaupun Muzium pada dasarnya memberi perhatian kepada zaman yang lebih awal – dan ini lebih bersabit dengan arkaeologi – kepentingan sejarah tidak diketepikan. Memandangkan bahawa kajian-kajian yang serius pada umumnya kurang mendapat sambutan daripada penerbit-penerbit yang lebih mementingkan perniagaan, Muzium Negara telah membuat rancangan

untuk menerbitkan lebih banyak lagi kajian yang seperti buku ini. Mudah-mudahan ini dapat memberi kesempatan kepada masyarakat umum supaya mengenali sejarah sendiri dengan lebih dekat lagi.

Kepada Prof. Khoo Kay Kim penulis buku ini saya ingin mengucapkan terima kasih kerana sumbangan beliau itu. Begitu juga kepada semua mereka yang telah memberikan sumbangan ke arah menjayakan penerbitan buku ini, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih.

Shahrum bin Yub.

(SHAHRUM BIN YUB, JMN., KMN., SMS., PJK)
Ketua Pengarah,
Jabatan Muzium,
Merangkap Yang Dipertua
Persatuan Muzium Malaysia.

25 Mei 1981

Pendahuluan

SETIAP kali, di negara ini, bila ada pihak yang cuba menulis sejarah tempatan, banyaklah kerumitan yang dihadapinya. Sejarah tempatan tidak pernah diberi perhatian yang serius oleh ahli sejarah atau orang ramai di Malaysia. Memang ada individu-individu dan pertubuhan-pertubuhan yang dari semasa ke semasa cuba merakamkan sejarah satu-satu tempat. Tulisan-tulisan itu walaupun kurang berikhtisas tetap berguna; tetapi pengedaran tulisan-tulisan tersebut biasanya terhad kepada suatu bilangan yang kecil. Lebih malang lagi, seringkali tulisan-tulisan itu tidak disimpan di tempat-tempat di mana rujukan kepada bahan-bahan itu dapat dibuat dengan mudah.

Oleh yang demikian tulisan saya ini tentang Taiping sememangnya mempunyai kelemahan-kelemahan yang tertentu. Tetapi tulisan ini bukan dianggap muktamat; sesungguhnya ia seharusnya dianggap sebagai satu kajian awalan. Dua objektif semerta saya berharap dapat dicapai: yang pertama, membetulkan fakta-fakta berkaitan dengan sejarah awal jajahan Larut kerana dalam kebanyakan buku sejarah yang digunakan di sekolah terdapat kesilapan yang ternyata dari segi butir-butirnya; dan yang kedua, menunjukkan sedikit sebanyak cara menulis sejarah tempatan (condong kepada sejarah sosial) di mana yang cuba diperlihatkan ialah masyarakat keseluruhannya dan bukan bertujuan memuji tokoh-tokoh yang tertentu.

Objektif yang paling dasar yang mendorong saya menulis sejarah Taiping ini adalah supaya penduduk Taiping sendiri, apabila berkesempatan membaca karya ini, akan tampil ke hadapan untuk memberikan maklumat-maklumat yang lebih terperinci supaya usaha yang sederhana ini kemudian akan membawa kepada lahirnya satu sejarah mengenai Taiping yang sungguh-sungguh lengkap.

Harus difahami oleh masyarakat umum bahawa sejarah tidak semestinya memperkatakan tentang perkara-perkara yang luarbiasa atau perkembangan-perkembangan yang dramatis. Tujuan penulisan sejarah juga bukan untuk mengagung-agungkan orang perseorangan. Sejarah adalah kebenaran; tambahan pula sejarah adalah suluh yang menerangi zaman masakini yang sememangnya penuh dengan

cabaran. Masalah yang dihadapi oleh satu-satu jenerasi tidak selalunya sama. Namun demikian satu-satu keputusan yang diambil pada zaman dahulu akan memberi erti yang besar kepada zaman yang menyusulnya. Tanpa sejarah segala yang wujud masakini akan ternampak seolah-olah tergantung-gantung sahaja; manusia merasa amat tidak senang apabila berhadapan dengan masalah-masalah yang tidak jelas asal usulnya.

Tugas ahli sejarah adalah untuk mengkaji dan menulis sejarah; tetapi ahli sejarah tidak semestinya orang yang paling berpengetahuan tentang sejarah satu-satu tempat atau perkara. Butir-butir yang diperlukan seharusnya datang daripada dokumen atau informan; daripada butir-butir yang kadang-kadang kelam kabut itu, ahli sejarah cuba membina satu gambaran yang lebih jelas lagi bermakna. Ahli sejarah adalah pentafsir tetapi sejarah yang lengkap hanya dapat dilahirkan daripada sumber-sumber yang beraneka jenis, tidak kurang pentingnya adalah mereka yang telah menyertai atau terlibat di dalam pembentukan sejarah.

KHOO KAY KIM
Professor Sejarah Malaysia.

Jabatan Sejarah
Universiti Malaya

25 Mei 1981

Sejarah Awal

KAWASAN induk kerajaan Perak terletak di bahagian muara Sungai Perak. Maka di kawasan itulah dahulu Raja-raja Perak bersemayam. Perak, seperti kerajaan-kerajaan Melayu lain, juga terdiri daripada beberapa jajahan takluk. Di utara, Sungai Krian menjadi rebutan di antara Perak dengan Kedah; di selatan, Sungai Bernam menjadi rebutan di antara Perak dengan Selangor. Sungai Larut juga merupakan jajahan takluk negeri Perak. Terletak jauh dari Hilir Perak, Larut, sehingga kurun ke-19, tidaklah termasyhur.

Umum mengetahui bahawa kemudian Long Ja'afar membuka lombong bijih timah di Larut. Menurut catitan-catitan yang sedia ada, bijih timah buat kali pertama dieksport dari Larut pada 1844. Sebelum itu bijih timah lebih banyak dikerjakan di kawasan Hilir Perak dan Bidor. Long Ja'afar berasal daripada keluarga berketurunan Aceh; bapa saudaranya (Alang Allaidin) memegang jawatan Datuk Panglima Bukit Gantang. Long Ja'afar berkahwin dengan sepupunya Ngah Pura, anak Alang Allaidin.

Kejayaan lombongnya merapatkan hubungan di antara Long Ja'afar dengan saudagar-saudagar Cina di Pulau Pinang kerana bijih timah Larut dijual kepada saudagar-saudagar Pulau Pinang. Akibatnya Long Ja'afar mengupah orang Cina untuk mengerjakan lombong di Larut. Pada pertengahan kurun ke-19, orang Cina mulai menetap di Asam Kumbang, Kelian Pauh dan Kelian Bahru.

Golongan pertama orang Cina yang datang ke Kelian Pauh diketuai oleh Law Sam; hubungannya dengan Long Ja'afar amatlah erat. Sehingga masa Ngah Ibrahim (anak Long Ja'afar), Law Sam dianggap sebagai ketua orang Cina walaupun di kalangan orang Cina yang terdiri daripada beberapa suku, pengaruhnya adalah terhad kepada mereka yang sesuku dengannya.

Pelombong-pelombong masa itu menggunakan Sungai Larut untuk masuk ke kawasan perlombongan. Dalam perjalanan ke kawasan pendalaman kampung-kampung yang penting ialah Matang, Simpang, Kota, Kelian Pauh, Kelian Bahru dan Kamunting. Jajahan Larut itu menjadi semakin penting apabila permintaan untuk bijih timah meningkat naik akibat perkembangan perusahaan papan timah

di Britain. Sehingga pertengahan kurun ke-19, Hilir Perak adalah pusat kegiatan ekonomi, barang-barang eksport dan import disalurkan melalui muara Sungai Perak. Mulai pertengahan kurun ke-19, pusat itu berpindah ke Jajahan Larut.


Pada peringkat inilah, Long Ja'afar mengambil keputusan untuk mengukuhkan kedudukannya di Larut yang menjadi pegangan bapa mertuanya. Long Ja'afar berjaya memujuk Sultan Shahabuddin (1831-1851) supaya memberikan Jajahan Larut kepadanya sebagai pegangan. Ini dilakukan dengan pemberian surat kuasa bertarikh 6 November 1850. Pada masa pemerintahan Sultan Abdullah Muhammad Syah (1851-1857), perselisihan berlaku di Perak; kedudukannya dicabar oleh Raja Muda Ngah Ja'afar yang lebih berpengaruh. Daripada Raja Ja'afar, Long Ja'afar mendapatkan surat kuasa baharu yang bertarikh 8 November 1856.

Setelah Sultan Abdullah mangkat pada 1857, Raja Ja'afar ditabalkan sebagai Yang Dipertuan Perak. Lebih kurang pada masa ini juga Long Ja'afar telah meninggal; anaknya, Ngah Ibrahim, menjadi warisnya dan seterusnya menjalankan pentadbiran di Jajahan Larut dibantu oleh Ngah Lamat, saudara pada Long Ja'afar. Ngah Ibrahim diberi surat kuasa baharu bertarikh 24 Mei 1858.

Ngah Ibrahim tinggal di Permatang (Matang), Ngah Lamat di Kota (dengan Kubang Buaya sebagai pegangannya). Pentadbiran keluarga Long Ja'afar di Larut adalah bercorak baharu. Untuk membolehkan pihak yang berkuasa menjalankan pentadbiran dengan berkesan maka diadakan pegawai-pegawai dengan tugasnya masing-masing. Setelah Long Ja'afar meninggal, seorang ulama dari Minangkabau, Sheikh Muhammad Taib, dilantik untuk menguruskan pentadbiran. Beliau dibantu oleh Abdul Jabbar. Pada bulan Oktober 1862, Sheikh Muhammad Taib meninggalkan Larut untuk berkhidmat di Pahang. Selanjutnya beliau terlibat dalam Perang Kelang dan menetap di Selangor.

Tugas utama Sheikh Muhammad Taib, besar kemungkinan, adalah sebagai Hakim dan Magistret. Ini adalah sesuai dengan kedudukannya sebagai seorang ulama. Bila beliau meninggalkan Larut (pada 1862) maka beliau diganti oleh Abdul Jabbar. Terdapat juga seorang Bendahari (Pandak Leman). Dan di Kota telah didirikan sebuah Balai dengan mata-mata yang diketuai oleh seorang *Jemadar*. Gelaran *Jemadar* ini adalah berasaskan sistem yang wujud di India pada masa itu. Ngah Ibrahim juga mempunyai seorang kerani.

Ngah Ibrahim telah dianugerahkan gelaran Orang Kaya-kaya Menteri Perak pada 23 Oktober 1863. Tetapi pada masa pentadbiran Ngah Ibrahim, pergolakan politik sentiasa berlaku di Larut dan di



Peta Perak 1870-an.


Perak secara amnya. Pada 1861 telah berlaku pergaduhan di antara orang Cina di Jajahan Larut-Matang. Waktu itu dua suku Cina yang besar di sana ialah *Chen Sang (Hakka)* yang menetap di Kelian Pauh dan *Fui Chiu (Hakka)* yang menetap di Kelian Bahru. Pada awal 1860an, bilangan orang Cina di Kelian Pauh adalah lebih kurang 4,000 dan di Kelian Bahru lebih kurang 2,200. Pergaduhan itu dapat diselesaikan dengan cepat kerana golongan *Fui Chiu* memohon bantuan daripada pihak British di Negeri-negeri Selat. Ngah Ibrahim dipaksa membayar \$174,474 sebagai gantirugi kepada pihak *Fui Chiu*.

✕✕ Dalam kebanyakan buku mengenai sejarah Perak memang ada disebutkan kongsi gelap *Hai San* dan *Ghi Hin*. *Hai San* (dua orang ketuanya yang berpengaruh ialah Law Sam dan Chung Ah Kwee) terdiri daripada suku *Chen Sang*; anggota-anggota *Ghi Hin* adalah suku *Fui Chiu*. Kongsi gelap bukanlah faktor yang mengakibatkan kekacauan; kongsi gelap adalah seperti angkatan tentera yang bertindak apabila timbul keadaan cemas. Pergaduhan berlaku kerana hubungan tradisi di antara dua suku *Hakka* itu memang renggang.

Pergaduhan berlaku sekali lagi pada 1865 yang membawa kepada rusuhan mengakibatkan kematian ramai orang *Fui Chiu* kerana bilangan mereka lebih kecil; tambahan pula, sejak zaman Long Ja'afar lagi telah terjalin persahabatan di antara keluarga Long Ja'afar dengan pemimpin-pemimpin suku *Chen Sang*. Segala harta benda dan bijih timah kepunyaan suku *Fui Chiu* telah dirampas. Orang *Fui Chiu* melarikan diri dan meninggalkan Kelian Bahru dan sejak itu tidak lagi kembali ke Kelian Bahru untuk mengerjakan lombong. Ramai berhijrah ke Kuala Lumpur di mana bilangan terbesar orang Cina terdiri daripada suku *Fui Chiu*.

Dalam tahun-tahun yang berikut orang Cina daripada satu suku lain tiba di Kelian Bahru untuk mengerjakan lombong. Mereka ini berasal dari daerah *San Neng* (wilayah Kwangtung). Seperti keadaan yang lebih awal mereka datang ke Larut melalui Pulau Pinang. Mereka juga mempunyai kongsi gelap yang tersendiri yang diberi nama *Ho Hup Seah*; pertubuhan ini bertalian erat dengan *Ghi Hin*. Walaupun pada awal 1870 telah ramai suku *San Neng* di Larut, bilangan mereka (dalam lingkungan 2,000) masih kecil berbanding dengan bilangan *Chen Sang* yang berjumlah lebih kurang 10,000.

Orang Cina di Larut mempunyai hubungan erat dengan orang Cina di Pulau Pinang kerana perdagangan. Biasanya, modal yang diperlukan untuk mengerjakan lombong dikeluarkan oleh saudagar di Pulau Pinang; hasil lombong kemudian dihantar ke saudagar di Pulau Pinang setelah dilebur atau sebelumnya. Dari Pulau Pinang,



Peta Jajahan Larut sebelum 1874.

bijih timah dieksport ke Singapura untuk dijual kepada pasaran dunia.

Golongan *Chen Sang* di Larut mengadakan hubungan perniagaan dengan saudagar *Hokkien* peranakan di Pulau Pinang; saudagar *Hokkien* peranakan mempunyai kongsi gelap yang dikenali sebagai *Toa Pek Kong*. *Ho Hup Seah* di Larut bertalian erat dengan *Ho Hup Seah* di Pulau Pinang dan *Ho Hup Seah* dengan *Ghi Hin* adalah seperti saudara kandung.

Pada 1872 sekali lagi pergaduhan berlaku di Larut. Ini disebabkan oleh keangkuan pihak *Chen Sang* yang begitu ramai, justeru itu begitu kuat, di Larut, *Ho Hup Seah* dengan sendirinya tidak berdaya menentang *Hai San*. Oleh yang demikian pihak *Ghi Hin* di Trong dan Province Wellesley telah melibatkan diri membantu *Ho Hup Seah*. *Ghi Hin* yang tersebut itu terdiri daripada suku *Teochiu*, kebanyakannya menetap di kawasan pantai Perak yang berhampiran dengan Pulau Pinang, juga di Province Wellesley di mana mereka mengusahakan tanaman tebu. Kedudukan mereka di kawasan pantai itu membolehkan mereka menyekat jalan ke Pulau Pinang. Ini mengakibatkan terputusnya hubungan pelombong *Chen Sang* di Larut dengan saudagar *Hokkien* (*Toa Pek Kong*) di Pulau Pinang. Tambahan pula, dengan kekuatan mereka di laut, pihak *Ghi Hin* dapat menyerang pihak *Hai San* di muara Sungai Larut. Dari muara sungai pernah suatu kumpulan *Ghi Hin* (berjumlah 1,000 orang) menyerang pihak *Hai San* di Kelian Pauh.

Akibat campurtangan pihak *Ghi Hin*, kongsi gelap yang terdiri daripada orang *Hokkien*, iaitu *Toa Pek Kong* dan satu lagi yang bernama *Ho Seng* telah membantu *Hai San*. Yang menjadikan kedudukan lebih buruk lagi ialah keterlibatan pembesar-pembesar Melayu. Ngah Ibrahim sememangnya rapat dengan pihak *Hai San*. Tetapi, selepas kemangkatan Sultan Ali (1865–1871), Raja Muda Abdullah telah diketepikan dan Raja Ismail (Raja Bendahara) dilantik sebagai Yang Dipertuan yang baharu. Ngah Ibrahim adalah di antara pembesar yang melantik Raja Ismail.

Ngah Ibrahim tidak menyokong Raja Abdullah kerana takut Raja Abdullah akan mendesak supaya sebahagian besar hasil Larut diserahkan kepadanya. Akibatnya, Raja Abdullah cuba meminta bantuan daripada berbagai pihak, terutamanya saudagar-saudagar dari Singapura. Di Perak, Raja Abdullah memberi sokongan kepada pihak *Ghi Hin* dan *Ho Hup Seah*. Kemudian, melalui saudagar-saudagar Singapura, Raja Abdullah telah berjanji dengan Gabenor baharu (Sir Andrew Clarke) bahawa beliau akan menerima seorang Residen atau Pegawai British jika sekiranya British dapat membantunya menaiki takhta.



Bandar Taiping tahun 1870.



Jalan Kota, Taiping.

Maka Perjanjian Pangkor ditandatangani pada bulan Januari 1874. Kekacauan di Larut tamat. Pihak British mulai menyusun kembali pentadbiran Larut. Tugas itu diserahkan kepada Kaptain Speedy yang dilantik sebagai Penolong Residen. Residen British yang pertama – J.W.W. Birch – memilih Bandar Baharu, di Hilir Perak, sebagai pusat pentadbiran. Dengan menyusun kembali pentadbiran di Larut, pihak British telah juga memberikan nama baharu kepada Kelian Pauh – TAIPING, yang bererti 'Kedamaian Luhur' bersempena dengan tamatnya kekacauan di Larut.

Menjadi Ibukota

Perjanjian Pangkor sebenarnya tidak mendatangkan kedamaian yang berpanjangan. Birch menghadapi masalah dalam menjalankan pentadbiran kerana Sultan Abdullah dan pembesar-pembesar enggan menyerahkan kuasa masing-masing kepada Residen British itu. Pada bulan November 1875, Birch terbunuh di Pasir Salak, Hilir Perak. British menggunakan senjata api untuk mematahkan tentangan terhadap pentadbirannya. Pada 1876, kedudukan British di Perak mulai kukuh. Pembesar-pembesar yang menentang British, termasuk Ngah Ibrahim, telah kehilangan kuasa. Buat sementara waktu, Birch diganti oleh J.G. Davidson, Residen pertama di Selangor. Pada 1877, Hugh Low telah dilantik sebagai Residen Perak.

Taiping tidak terlibat di dalam kekacauan menentang pentadbiran British. Sejak tamatnya Perang Larut, kegiatan ekonomi di Larut berkembang kembali. Maka setelah pembunuhan Birch, Taiping pula yang dipilih sebagai pusat pentadbiran, iaitu ibukota Negeri Perak. Kapten Speedy, Penolong Residen, dipindah pula ke Hilir Perak.

Pada pertengahan 1870-an, Taiping muncul sebagai sebuah bandar yang semakin sibuk. Di dalam bandar itu terdapat sebatang jalan lebih kurang setengah batu panjangnya dengan beberapa pasar dan kedai yang besar. Seperti di petempatan-petempatan lain di mana ramai orang Cina telah menetap, rumah-rumah khas untuk main judi disediakan. Oleh kerana penduduk Cina di Taiping terdiri daripada beberapa suku maka setiap golongan mempunyai dewan mesyuaratnya masing-masing.

Pentadbiran British telah juga menyediakan bangunan-bangunan untuk berbagai tujuan: Pejabat Bendahari, tangsi untuk pasukan polis (terdiri daripada orang Punjabi), rumah sakit, gudang senjata, setor, penjara dan bangelo untuk pegawai British.

Jumlah penduduk Taiping waktu itu dalam lingkungan 6,000 orang, sebilangan besarnya terdiri daripada orang Cina. Terdapat juga



Lombong menjadi Tasek.



Pemandangan Bandar Taiping.

sekumpulan kecil orang India yang membuka kedai atau memberi pinjaman wang (kaum Cetiar). Orang India lain bekerja sebagai pemandu kenderaan (kuda atau lembu) dan pembasuh kain. Menurut seorang wanita Inggeris (Isabella Bird) yang telah melawat Taiping waktu itu, pada siang hari, bandar Taiping sunyi senyap sahaja kerana sebilangan besar penduduknya bekerja di lombong. Dengan kembalinya mereka ke bandar waktu senja maka gegak-gempita menelan bandar itu dan yang kedengaran ialah leter-leter dalam bahasa Cina.

Pembangunan di Taiping berjalan dengan agak pesat kerana pada 1883 telah ada bangunan-bangunan baharu yang digunakan sebagai mahkamah dan pejabat. Bandar itu juga mempunyai sebuah bilik bacaan dan perpustakaan. Bekalan air telahpun disediakan dan penduduk-penduduk yang tinggal di dalam bandar dapat menggunakan air yang bersih.

Sistem pengangkutan dan perhubungan dimajukan. Pembinaan jalanraya untuk menghubungkan Taiping dengan Parit Buntar hampir selesai pada 1883. Di sepanjang jalan baharu ini kawat telegraf akan diadakan untuk menghubungkan Taiping dengan Pulau Pinang. Pembinaan jalan keretapi di antara Taiping dengan Port Weld (dahulu Kuala Sepetang) telahpun dimulakan dan telah ada rancangan untuk melanjutkan jalan keretapi itu ke Parit Buntar.


Keretapi buat kali pertama membawa penumpang dari Port Weld ke Taiping pada *12 Februari 1885*. Port Weld pada masa itu adalah sebuah pelabuhan yang sangat sibuk kerana segala import dan eksport di antara Taiping dengan Pulau Pinang disalurkan melalui pelabuhan itu. Ulu Perak dan Kinta juga bergantung kepada Port Weld walaupun Kinta juga menggunakan pelabuhan Teluk Anson. Pada tahun 1888, kemudahan di Port Weld didapati tidak memuaskan lagi kerana jumlah eksport dan import telah bertambah maka pada 1891 suatu dermaga terapung telah dibina untuk memperluaskan pelabuhan di Port Weld. Sementara itu jalan keretapi dilanjutkan ke bandar Kamunting.

Sepanjang 1880-an pembangunan di bandar Taiping berjalan terus. Beberapa bangunan kerajaan didirikan lagi termasuk sebuah Pejabat Telegraf. Taiping pada dewasa itu mempunyai beberapa hospital; yang paling besarnya ialah Hospital Yang Wah khas untuk orang miskin. Hospital itu diketuai oleh Dr. Wright dan mempunyai tempat untuk 900 orang pesakit; ia adalah di bawah urusan kaum Cina.

Taiping juga mendahului bandar-bandar lain dalam bidang pelajaran Inggeris. Sekolah Inggeris yang pertama di negeri-negeri Melayu telah dibuka di Kamunting oleh Hugh Low pada 1878.



Pejabat Kerajaan di Taiping.



Perhentian Keretapi Taiping tahun 1884.

Murid-murid sekolah itu terdiri daripada anak-anak tuan punya lombong, anak-anak pekerja lombong dan, apabila perkhidmatan keretapi telah bermula, beberapa orang anak jurutera Eropah yang berkhidmat dengan keretapi. Pada tahun 1883 telah dibuka sebuah sekolah lagi, iaitu di bandar Taiping. Sekolah Pusat (*Central School*) ini kemudian berkembang dengan amat pesat. Di antara 1900–1922, Pengetuannya ialah Roger Francis Stainer, B.A. (London). Dalam masa itulah bangunan sekolah yang lama didapati tidak mencukupi lagi. Pada 1905, sekolah itu berpindah ke bangunan baharu dan dengan itu telah diubah namanya kepada Sekolah King Edward VII bersempena pertabalan Raja England pada 1901. Sekolah itu bukan hanya terkemuka di dalam bidang pelajaran tetapi berbagai jenis sukan, seperti bolasepak, olahraga dan ragbi mula-mula sekali diperkenalkan kepada pemuda-pemuda tempatan di sekolah itu.

Sekolah Inggeris untuk murid-murid perempuan juga muncul di Taiping pada masa yang lebih awal daripada di tempat-tempat lain. Pada 1889 Kerajaan Perak menubuhkan sebuah sekolah perempuan. Pada 1899, pengurusan sekolah itu diserahkan kepada *Methodist Episcopal Mission* dan pada 1902 sekolah itu diberi nama baharu – *Treacher Girls' School*. Nama baharu itu adalah untuk mengenangkan jasa Puan Treacher kepada sekolah itu. William Treacher pada waktu itu ialah Residen Perak.

Sebuah lagi sekolah Inggeris perempuan yang diasaskan pada penghujung kurun ke-19 ialah Convent, Taiping. Pada 1899, tiga orang *Sisters* telah dihantar dari Convent Pulau Pinang ke Taiping bagi membuka sebuah sekolah Inggeris untuk murid-murid perempuan. Mubaligh Katholik telah juga cuba mengembangkan pelajaran Inggeris untuk kanak-kanak lelaki. Pada penghujung abad ke-19 pernah didirikan sebuah Sekolah Anglo-Tamil, kemudian sebuah Sekolah St. Michael, tetapi kedua-duanya tidak berkekalan. Pada 1915 ditubuhkan St. George's Institution. Pada zaman Jepun bangunannya digunakan sebagai *Nippon-Gakko*, Markas *Kempetai* (Polis Militer) serta Hotel Pegawai Jepun.

Walaupun dalam abad ke-20 dengan beransur-ansur sekolah-sekolah Inggeris di Ipoh telah mengungguli sekolah Inggeris di Taiping, sehingga akhir kurun ke-19 tidak dapat disangkal Taiping, sebagai ibukota, dianggap sebagai pusat kegiatan intelektual. Misalnya, akhbar Inggeris yang pertama di negeri-negeri Melayu diterbitkan di Taiping pada 4 Julai 1894. Akhbar itu yang diberi nama *Perak Pioneer* (naskah-naskahnya masih tersimpan di Muzium Taiping) diusahakan oleh Syed Abul Hassan ibnay Burhan. Akhbar itu menerbitkan berita dan mengeluarkan pendapatnya



Sekolah King Edward, Taiping.



Rumah Residen British di Taiping.

dengan berani dan selama suatu masa yang agak berpanjangan dianggap sebagai akhbar yang berwibawa di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Melalui pejabat S.A.H. Burhan juga akhbar Tamil yang pertama di Malaysia *Perak Varthamanan* telah diterbitkan sama ada pada penghujung abad ke-19 atau awal kurun ke-20.


Penerbit yang sama, pada 1893, mengeluarkan akhbar Melayu *Seri Perak* dan dipercayai bahawa Haji Abdul Kadir bin Setia Raja menjadi pengarangnya. Pada 1896 dikeluarkan pula sebuah akhbar lain iaitu *Jajahan Melayu* mula-mula dengan Mohd. Omar bin Haji Bakar sebagai pengarang, kemudian Ghulam Kadar yang telah diganti pula oleh S.A.H. Burhan sendiri.

Ada beberapa sebab yang menjadikan Taiping sehingga lebih kurang akhir kurun ke-19 sebagai bandar utama di negeri-negeri Melayu. Yang pertama, sebagai pusat perlombongan dan pentadbiran, pembangunan lebih awal berlaku di Taiping berbanding, misalnya, dengan Kuala Lumpur. Yang kedua, permulaan perkhidmatan keretapi menjadikan Taiping tumpuan orang asing baharu terutama yang bekerja dengan keretapi, umpamanya orang Selon dan Eropah. Yang ketiga, sebagai pusat pentadbiran yang terpenting, pegawai-pegawai Inggeris yang lebih kanan ditempatkan di Taiping. Oleh yang demikian, di Taiping juga telah dimulakan buat kali pertama beberapa pertubuhan sukarela untuk beberapa golongan etnik.

Masyarakatnya

Seperti disebutkan tadi, sesudah tamatnya Perang Larut dan bandar Taiping mulai berkembang, sebilangan besar penduduknya terdiri daripada orang Cina. Orang India telah juga tiba walaupun bilangannya masih kecil. Tetapi selain daripada orang India Selatan orang Punjabi juga bertambah ramai di Taiping. Mereka berkhidmat dalam pasukan polis.

Orang Punjabi dan juga Pathan, sebagai anggota angkatan bersenjata, mula-mula sekali dibawa oleh Kapten Tristram Speedy waktu beliau tiba di Pulau Pinang pada 1873 dan seterusnya berkhidmat dengan pentadbiran British di Negeri-negeri Selat. Menjelang Perjanjian Pangkor, Speedy telah meletakkan jawatannya di Pulau Pinang untuk berkhidmat dengan Ngah Ibrahim. Sesudah Perjanjian Pangkor ditandatangani, Speedy dilantik sebagai Penolong Residen dan diberi tugas menubuhkan pasukan polis. Selain daripada orang Punjabi dan Pathan yang dibawanya, orang Melayu juga diambil untuk menambahkan bilangan pasukan polis. Waktu itu pentadbiran British di Perak, Selangor dan Sungai Ujong belum lagi



Pemandangan Bandar Taiping dari Bukit Jelutong.



Pemandangan Bandar Taiping.


bebas daripada pentadbiran Negeri-negeri Selat.

Hanya pada awal 1875 langkah diambil untuk menubuhkan pasukan polis di Perak yang akan diasingkan daripada perkhidmatan polis di Negeri-negeri Selat. Tetapi sebelum rancangan itu berhasil, Birch terbunuh. Semasa J.G. Davidson menjadi Residen Perak, rancangan itu dihidupkan kembali. Orang Punjabi dan Pathan yang dibawa oleh Speedy akan menjadi bahagian induk pasukan polis Perak, tetapi pegawai-pegawai kanan Inggeris di Negeri-negeri Selat tidak mahu mengekalkan Speedy dalam perkhidmatan pentadbiran. Setelah beliau dipindah ke Hilir Perak, tidak lama kemudian (pada lewat 1877) beliauapun meletakkan jawatan.


Penubuhan pasukan polis Perak bermula secara rasmi dengan tibanya Paul Swinburne. Sebilangan besar pasukan polis itu terdiri daripada orang Punjabi dan Pathan juga. Markas mereka di Taiping. Pada 1879 Swinburne bercuti dan Lt. R.S.F. Walker menjadi pemangku ketua pasukan polis Perak. Pasukan polis itu telah mendapat ujian pada Oktober 1879 apabila kongsi gelap sekali lagi terlibat dalam rusuhan. Tetapi kali ini pasukan polis yang terlatih dapat mengawal keadaan dan selanjutnya kekacauan tidak lagi berlaku di Taiping.

Swinburne bersara pada 1882 dan diganti oleh R.S.F. Walker. Pada 1896, Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan disatukan sebagai sebuah Persekutuan. Pada masa itu sepasukan askar yang dikenali sebagai *Malay States Guides* telah ditubuhkan. Markasnya di Taiping juga. Angkatan sepai ini diwujudkan untuk mempertahankan Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan boleh juga, jika sekiranya perlu, digunakan untuk mempertahankan Negeri-negeri Selat. Ketua *Malay States Guides* ialah R.S.F. Walker dan sebilangan besar regimen ini terdiri daripada orang Punjabi (kasta *Jat* atau petani). Terdapat juga satu kompeni yang terdiri daripada orang Punjabi beragama Islam serta orang Pathan. Pada 1915, sebahagian sepai dalam *Malay States Guides* terlibat dalam pemberontakan di Singapura. Selepas itu *Malay States Guides* dihantar ke Aden di mana mereka berada selama 4 tahun. Dengan tamatnya Perang Dunia I, *Malay States Guides* telah dibubarkan.

Sehingga penghujung abad ke-19, Taiping bukan hanya menjadi tumpuan orang Punjabi di Tanah Melayu, ia juga menjadi tumpuan orang Selon di negara ini. Mereka mulai tiba pada 1880-an untuk (a) bekerja dengan keretapi, (b) berkhidmat dengan pentadbiran British sebagai kerani. Keretapi di Larut yang menghubungkan Port Weld dengan Taiping, sepanjang 8 batu, memang dibina oleh orang Selon. Akibat permintaan daripada pihak British di Negeri-negeri



Askar Malay States Guides sedang mengadakan perbarisan di Taiping.



Perhentian Keretapi Port Weld tahun 1885.

Selat, pentadbiran British di Selon telah menghantar dua kumpulan pekerja yang berpengalaman yang dikenali sebagai *Ceylon Pioneer Corps* ke Larut. Jalan keretapi Port Weld-Taiping dapat dibina dalam lebih kurang satu tahun.

Adalah menjadi kebiasaan untuk orang yang mempunyai asal usul yang sama untuk berkumpul dan memformalisasikan hubungan mereka supaya dalam keadaan tertentu mereka dapat sama-sama bergerak atau bertindak dan pada masa-masa lain, seperti perkahwinan dan perkebumian, mereka dapat saling bantu membantu. Persatuan Selon yang pertama di negara ini ditubuhkan di Taiping pada 1899. Kemudian orang Punjabi pula yang menubuhkan persatuannya pada 1903 yang diberi nama Khalsa Diwan Malaya. Tetapi, tidak seperti Persatuan Selon yang wujud untuk orang Selon di Taiping, Khalsa Diwan Malaya adalah untuk semua Punjabi (beragama Sikh) di Tanah Melayu atau dalam lain perkataan ia merupakan pertubuhan Sikh yang utama di Tanah Melayu. Selanjutnya orang India pula yang menubuhkan persatuan India yang pertama di Tanah Melayu. Persatuan India yang bertempat di Taiping itu muncul pada 1906.

Tetapi Taiping telah mulai kehilangan kepentingannya menjelang kurun ke-20. Pengeluaran bijih timah telah merosot pada 1890-an; di samping itu pula terjumpa banyak bijih timah di kawasan Kinta. Orang Cinapun berhijrah ke Ipoh. Bila Ipoh menjadi semakin penting sebagai pusat perlombongan bijih timah, jalan keretapi telah dibina untuk menghubungkan pelabuhan Teluk Anson dengan Ipoh.

Di kawasan Larut, pada awal kurun ke-20, tinggal sebuah sahaja syarikat perlombongan yang agak terkemuka iaitu *Kamunting Mine* kepunyaan Ng Boo Bee. Beliau berasal dari Wilayah Hokkien dan hanya datang ke Tanah Melayu lebih kurang pada 1880. Beliau pernah menceburkan diri dalam berbagai perniagaan di Ipoh dan Teluk Anson di samping Taiping. Hanya waktu beliau menjadi kontrektor keretapi di Taiping, beliau berjaya memperolehi tanah untuk mengerjakan bijih timah. Ng Boo Bee kemudian menjadi dermawan yang sangat terkenal di Taiping.

Walaupun Taiping kehilangan kedudukannya sebagai pusat perlombongan, perubahan baharu yang berlaku pada awal kurun ke-20 memberi faedah juga kepada bandar itu. Getah dewasa itu telah mulai muncul sebagai perusahaan utama Tanah Melayu. Di sekitar Taiping telah dibuka beberapa ladang getah. Terletak 6 batu dari Taiping dan berhampiran dengan setesyen keretapi Simpang ialah *Jebong Estate* yang sangat maju. Pejabat berdaftarnya adalah di Kolombo, Selon. Tidak jauh dari ladang ini dan berdekatan juga



Pejabat Kerajaan Taiping.



Persimpangan Perhentian Keretapi Simpang – Port Weld.


dengan Matang ialah *Matang Jamboe Estate* kepunyaan Frederick H.E. Sperling yang telah membuka ladang itu pada 1898. 12 batu dari Taiping dan 5 batu dari setesyen keretapi Simpang ialah *Selinsing Estate* yang pada asalnya kepunyaan W.F. Dew, G. Graham Clarke dan C.J. Bayley; pada 1907 *estate* itu dibeli oleh *Selinsing Rubber Company* yang juga mempunyai pejabat berdaftar di Kolombo. Di Kamunting juga telah dibuka *Kamuning Estate*. Pemilik ladang ini ialah *Guthrie & Co.*

Getah dan kenyataan bahawa Taiping tetap menjadi ibukota Perak adalah dua faktor yang menjamin supaya Taiping tidak merosot sama sekali. Terutama sekali pegawai-pegawai kerajaan yang terkanan di Perak kesemuanya berada di Taiping dan kemunculan ladang-ladang getah telah juga menambahkan bilangan orang Barat di Taiping atau sekurang-kurangnya peladang-peladang Eropah bergantung kepada Taiping untuk bekalan dan kegiatan sosial.

Sejak 1880-an lagi, masyarakat Taiping memang memperlihatkan perbezaan kelas yang ternyata. Di atas sekali ialah pegawai-pegawai Barat; di bawah sekali ialah mereka yang terlibat di dalam pekerjaan sebagai buruh kasar. Di tengah-tengah berdiri dua golongan orang tempatan: yang berada (berpelajaran Inggeris atau bukan-berpelajaran Inggeris) dan yang berkhidmat dengan kerajaan memegang jawatan-jawatan yang lebih rendah.

Masyarakat Barat sangat cerewet tentang *status*. Mereka mempunyai beberapa persatuan yang tidak terbuka kepada orang bukan-Eropah seperti *Perak Club* (ditubuhkan pada 1880), *New Club* (ditubuhkan pada 1894), *Perak Golf Club* (ditubuhkan pada 1894) dan *Taiping Swimming Club* (ditubuhkan pada 1914). *New Club* sebenarnya ditubuhkan kerana ada ahli-ahli *Perak Club* yang merasa kurang puashati tentang penerimaan Serani dan pegawai tentera yang bukan daripada keluarga baik-baik sebagai ahlinya. Maka *New Club* dianggap sebagai institusi sosial yang utama di Perak.

Jelas bahawa keadaan di Taiping adalah sama sepertimana yang wujud di tiap-tiap bandar di Tanah Melayu iaitu setiap golongan etnik mempunyai persatuannya yang tersendiri dan terdapat juga masjid, kuil Hindu, tempat berhala orang Cina dan gereja yang memperlihatkan adanya berbagai agama yang dianuti oleh berbagai golongan etnik itu. Telah diasaskan juga, di samping sekolah-sekolah Inggeris, sekolah-sekolah vernakular iaitu Melayu, Cina dan India. Institusi-institusi itu yang menampung kepentingan satu-satu golongan etnik menimbulkan keadaan berpecah-belah kerana pembahagian adalah tajam di kalangan penduduk. Hanya di kalangan orang tempatan yang berpelajaran Inggeris sahaja terdapat hubungan sosial yang melintasi garis-garis etnik.



Rumah Residen British di Taiping.



Bangunan Kelab Taiping 1885.

Terutama sekali murid-murid yang belajar di sekolah Inggeris terlibat di dalam alam sekitar budaya yang lebih luas — mereka berganding bahu di bilik darjah dan di padang sukan; mereka juga dapat berkomunikasi dalam bahasa yang sama-sama diketahuinya iaitu bahasa Inggeris. Dan setelah mereka keluar dari sekolah kebanyakannya berkhidmat dengan kerajaan maka di pejabat kerajaan mereka tetap bergaul dan berkomunikasi. Selanjutnya mereka sama-sama menganggotai beberapa persatuan seperti *Kempe Club* (salah sebuah kelab separuh-kerajaan yang terbesar di Perak Utara) dan *Perak Postal Athletic Club* yang terbuka hanya kepada kakitangan Jabatan Pos dan Telegraf, Taiping. Di samping itu terdapat juga *Edwardian Old Boys' Association* serta *Old Georgian Association* di mana wujud hubungan sosial pada dasar yang lebih luas. Namun demikian hubungan sosial yang terjalin di dalam alam sekitar kelab riadah dan sukan tidaklah begitu mendalam. Bahkan di antara, misalnya, orang Cina berpelajaran Inggeris dengan mereka yang bukan berpelajaran Inggeris pun wujud jurang yang ternyata tetapi tidaklah begitu luas berbanding dengan pembahagian yang wujud di antara satu golongan etnik dengan yang lain.

Perpecahan yang paling jelas ternampak ialah haluan politik masing-masing. Orang Cina, misalnya, sejak masa berlakunya revolusi di negeri China (menentang kerajaan Manchu) lagi amat terlibat di dalam pergolakan politik di negara ibunda mereka. Dalam akhbar *Perak Pioneer* (3 November 1911) ada laporan bahawa ramai orang Cina yang berpelajaran Inggeris telah berkumpul di setesyen keretapi Taiping untuk mengucapkan selamat jalan kepada beberapa orang sahabat mereka yang dalam perjalanan ke negeri China guna melibatkan diri dalam revolusi di sana. Kemudian apabila berita diterima bahawa kerajaan Manchu telah dapat digulingkan anggota-anggota *Taiping Reform Club* (pertubuhan yang mempunyai matlamat mengislahkan negeri China) telah mengadakan perayaan di mana *taucang* (simbol kerajaan Manchu) telah dipotong. Pada 10 Oktober 1912, iaitu ulang tahun kejayaan revolusi 1911, telah diadakan perarakan tanglung sebagai tanda kegembiraan. Pada 1937, waktu negeri China berperang dengan negeri Jepun, orang Cina di Taiping menyumbangkan wang untuk membantu Kuomintang (parti berkuasa di negeri China) mempertahankan negeri China; barang-barang Jepun yang setakat itu dijual di Taiping dipulaukan dan ada orang membalang batu terhadap kedai Tong Fong kerana menjual barang-barang Jepun.

Di kalangan orang India-Selon pula, satu peristiwa yang dianggap bersejarah ialah lawatan Pandit Nehru ke Taiping pada pertengahan



Bangunan Masjid Kota, Taiping.



Gereja Katholik Taiping.




Pemandangan Bandar Taiping.



Jalan Besar Taiping tahun 1880-1882.



Bangunan Pejabat Taligerap Taiping.



Pemandangan Taman Tasek Taiping.



Pasar Besar Taiping yang asal.



Pasar Besar Taiping yang baharu.



Taman Margastua Sultan Idris, Taiping.



Deretan rumah kedai, Taiping.

1937. Pada masa itu Nehru sedang dalam kunjungannya ke Burma dan Tanah Melayu. Nehru sendiri merasa kagum kerana ketibaannya di kedua-dua negara itu diterima dengan penuh perasaan kebangsaan oleh penduduk India. Di Taiping, orang India dan Selon berebut-rebut untuk melihat wajahnya sehingga beliau sendiri terpaksa berdiri di atas meja untuk meminta para hadirin supaya berdisiplin.


Di Taiping juga, menjelang Perang Dunia I, sepai dalam *Malay States Guides* hampir memberontak, terutamanya bahagian yang terdiri daripada orang Punjabi Islam dan Pathan. Dalam Perang Dunia I, negeri Turki berpihak pada negeri Jerman; musuh Turki termasuklah Britain. Bagi orang Islam, terutamanya di India, dewasa itu, negeri Turki masih dianggap sebagai Khalifah negara-negara Islam. Tetapi satu bahagian lain *Malay States Guides* bersama-sama dengan sepai dari regimen lain cuba merampas kuasa di Singapura pada 1915. Pada masa 1914–1915, walaupun kekacauan akhirnya tidak berlaku, keadaan di Taiping adalah tegang.

Kesedaran politik juga temampak di kalangan masyarakat Melayu. Bilangan orang Melayu di bandar Taiping tidaklah ramai. Mengikut Banci tahun 1921, bilangan penduduk di Taiping bagi satu-satu golongan etnik adalah seperti yang berikut:


Golongan Etnik	Bilangan
Eropah	285
Serani	232
Melayu	1,839
Cina	12,193
India	6,349
Lain-lain	213

Kebanyakan orang Melayu menetap di luar sempadan bandar Taiping—misalnya, di Bukit Gantang, Matang, Selama dan Batu Kurau.

Tetapi kawasan Larut itu boleh dianggap sebagai pusat intelektual untuk orang Melayu kerana pada 1898 telah dimulakan sebuah maktab perguruan di Taiping untuk melatih guru-guru sekolah Melayu. Maktab ini berjalan selama dua tahun dan dalam masa itu telah melatih 10 orang guru. Pada 1900 maktab itu telah ditutup kerana telah diasaskan Maktab Melayu Melaka untuk melatih bakal guru-guru dari Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu. Maktab di Taiping di bawah kelolaan Shaikh Nasir, seorang Guru Pelawat yang telah berumur. Seorang guru penolong Melayu juga berkhidmat di maktab itu dan Nazir Sekolah-sekolah di Taiping ditugaskan mengawasi perjalanan maktab itu sebanyak mungkin.



Penjara Taiping dengan pengawal-pengawalnya.



Penjara Taiping.

Maktab itu, kerana wujud hanya dalam suatu jangkamasa yang singkat, mungkin kurang memberi kesan kepada masyarakat Melayu di Taiping. Pada 11 Oktober 1913, sebuah maktab perguruan baharu telah dibuka di Larut. Maktab itu terletak di Matang tetapi ia tidak menggunakan bangunan yang didirikan khas untuknya. Bangunannya ialah kediaman keluarga Ngah Ibrahim. Rumah Ngah Ibrahim sebenarnya terletak di dalam kubu. Ia juga digunakan oleh Ngah Ibrahim untuk mengutip cukai bijih timah. Dipercayai rumah itu siap dibina pada 1858, iaitu selepas keluarga Long Jaafar berpindah dari rumahnya di Bukit Gantang.

Pada tahun 1876, rumah itu digunakan sebagai tempat pembicaraan beberapa orang pembesar Melayu Perak yang terlibat di dalam pembunuhan Birch seperti Dato' Sa'gor, Maharaja Lela, Pandak Endut dan lain-lain lagi. Perbicaraan ini berjalan dari 14 hingga 22 Disember 1876. Ngah Ibrahim sendiri, bersama-sama dengan Sultan Abdullah, telah diasingkan ke Pulau Seychelles pada tahun 1877. Rumah itu pun telah diambilalih oleh kerajaan Perak.

Pengetua pertama Maktab Perguruan di Matang itu ialah A. Keir (dari 1913-1920) yang kemudian dilantik sebagai Nazir Sekolah-sekolah Perak dan selanjutnya Pemangku Pengarah Pelajaran. Di antara guru-guru maktab itu ialah Muhammad bin Datuk Muda Linggi, bapa saudara pada Za'ba. Muhammad bin Datuk Muda Linggi adalah kelulusan Maktab Melayu Melaka. Beliau telah mengajar di Sekolah Kuala Pilah, Sekolah Johol dan Sekolah Repoh, Tampin dan, di samping itu menolong kerja-kerja di Pejabat Pelajaran Negeri Sembilan, sebelum dipindah ke Matang. Sehingga 1918, beliau menjadi guru di Matang kemudian dilantik menjadi guru pelawat di dalam 'kelas istimewa'. Di antara 1924 hingga 1932 beliau adalah pengarang *Majalah Guru* bahkan pernah disebutkan bahawa "Cikgu inilah pengarang, cikgu inilah manager dan cikgu inilah juga kerani mengirim dan sebagainya; lain pula kalanya di press, tidak berkertas, mesin rosak dan komputer lain semuanya itu dapat diselamatkan dengan sehabis-habis ikhtiar." (*Majlis*, 9.8.34). Beliau juga seorang penulis yang terkenal pada zamannya. *Majalah Guru* waktu itu diterbitkan di Seremban. Di Negeri Sembilan beliau sangat giat di dalam Persekutuan Guru-guru Negeri Sembilan serta Persidangan Belia Negeri Sembilan. Tetapi setakat ini belumlah jelas bagaimana-kah pengaruhnya ke atas masyarakat Melayu di kawasan Larut.

Yang lebih banyak diketahui ialah tentang Pemangku Pengetua (dua kali) maktab itu — Abdul Majid bin Haji Zainuddin. Abdul Majid telah merakamkan pengalamannya di Matang dalam *autobiographynya* (dalam Bahasa Ingeris) yang diberi jodol: *The*



*Bangunan Sekolah Kebangsaan Matang Taiping
(dahulunya rumah Ngah Ibrahim).*



Pemandangan salah satu jalan di Taiping.

Wandering Thoughts of a Dying Man (diterbitkan pada 1978). Pada masa beliau berada di Matang, Abdul Majid juga rapat dengan Za'ba yang pada awal 1920-an mengajar di Maktab Melayu, Kuala Kangsar. Mereka berdua bersama-sama dengan Mohd. Zin bin Haji Ayub (kemudian menantu Abdul Majid) sangat berminat tentang gerakan Pan-Islam. Mereka melanggan majalah-majalah Islam yang diharamkan oleh pihak pemerintah.

Dua majalah yang dilanggan mereka ialah *Islamic Review* dan *Muslim India* kedua-duanya dikelolakan oleh Khwaja Kamaluddin yang berasal dari Lahore. Khwaja Kamaluddin adalah seorang yang terpelajar dan pernah menjadi Professor Sejarah dan Ekonomi di Islamia College, Lahore. Beliau juga pernah menjadi peguam. Kemudian beliau telah meninggalkan bidang keserjanaan dan kepeguaman kerana terpengaruh oleh ajaran Mirza Ghulam Ahmad dari Qadian untuk bergiat mengembangkan ajaran Islam. Kegiatan dakwah ini beliau jalankan di England di mana beliau juga menjadi Imam Masjid Woking (Surrey).

Walaupun terpengaruh oleh ajaran Mirza Ghulam Ahmad, Khwaja Kamaluddin kemudian tidak mendukung faham yang diasaskan oleh pengikut Mirza Ghulam Ahmad iaitu Parti Qadian kerana parti itu menganggap Mirza Ghulam Ahmad sebagai *nabi*. Khwaja Kamaluddin termasuk dalam golongan yang dikenali sebagai Parti Lahore yang menerima Mirza Ghulam Ahmad sebagai *mujaddid* dan bukan *nabi*. Pada 1921 Khwaja Kamaluddin telah melawat ke Singapura dan Tanah Melayu. Berikutan daripada itu telah ditubuhkan *Anjuman-i-Islam* yang ahli-ahlinya terdiri daripada orang Islam di Singapura dan Tanah Melayu; pertubuhan itu mula menerbitkan majalah *The Muslim* pada Januari 1922. Parti Qadian dianggap pro-British dan sikap ini dikritik oleh Parti Lahore.

Setelah melawat Singapura, Khwaja Kamaluddin telah meneruskan kunjungannya ke negeri-negeri Melayu. Beliau bertolak dari Singapura pada 29 Mac 1921 bersama dengan Hakim Abdul Baksh (Hafiz) ke Taiping. Beliau singgah di Kuala Kangsar sebelum pergi ke Taiping di mana beliau disambut oleh Abdul Majid Zainuddin, Dr. Mohd. Ghaus, Syed Abu al-Hasan, Nawabuddin dan Amir Bad Shah. Pada 30 Mach 1921, selepas waktu Maghrib, beliau memberi syarahan mengenai "Keluasaan Pengajaran-pengajaran dan Amalan-Amalan dalam Islam" di Dewan Bandaran Taiping. Pada 31 Mac 1921, Khwaja Kamaluddin bersama Abdul Majid, Dr. Ghaus dan Nawabuddin telah pergi ke rumah Za'ba di Kuala Kangsar dan makan tengah hari di situ. Khwaja Kamaluddin tinggal di Taiping sehingga 2 April 1921 dan meneruskan lawatannya ke Pulau Pinang.



Deretan rumah kedai, Taiping.



Bangunan Majlis Bandaran Taiping.

Walaupun, selain daripada lawatan Khwaja Kamaluddin ke Taiping, tiada maklumat lain yang menunjukkan sejauh mana orang Melayu di Taiping terlibat di dalam kegiatan yang bersifat reformasi Islam atau faham kebangsaan dalam 1920-an dan awal 1930-an, satu peristiwa yang berlaku pada pertengahan 1930-an mempunyai pengertian yang agak besarnya. Pada awal 1934 melalui ruangan akhbar *Saudara* dicadangkan supaya diadakan semacam satu kelab surat-menyurat yang akan diberi nama 'Sahabat Pena' Pada permulaannya tujuan para penganjur ialah supaya diadakan suatu cara untuk orang muda bertukar-tukar fikiran dan di samping itu memupuk kemajuan persuratan. Kemudian orang dewasa mulai memainkan peranan penting dalam Sahabat Pena. Akibatnya dibuat keputusan untuk mengadakan satu persidangan kebangsaan.

Pada 11 November 1934, persidangan pertama Sahabat Pena telah diadakan di Sunlight Muslim Association, Taiping. Ia sebenarnya merupakan perjumpaan pertama peringkat seluruh Tanah Melayu bagi orang Melayu dan dihadiri oleh tokoh-tokoh Kaum Muda yang terkenal seperti Syed Alwi bin Syed Sheikh al-Hadi, Zainal Abidin bin Sutan Maidin dan Sheikh Abdullah al-Maghribi. Pada Mei 1935 Sahabat Pena mempunyai lebih daripada 1,000 orang ahlinya. Pada Jun 1935 Syed Alwi sekali lagi melawat Taiping kali ini untuk berkempen menambahkan ahli Sahabat Pena. Tidak begitu jelas mengapa Taiping dipilih untuk persidangan yang pertama itu dan agak jelas bahawa selanjutnya Taiping bukanlah pejabat pusat untuk Sahabat Pena. Tetapi pada lewat 1930-an ada individu-individu dari Taiping yang terlibat dalam kegiatan politik.

Mungkin yang lebih terkemuka ialah Wan Mohd. Noor dan Ali bin Haji Hussain. Mereka berdua itu adalah di antara pengasas Persatuan Melayu Perak yang ditubuhkan pada 1937 dan bertempat di Ipoh. Persatuan itu merupakan persatuan negeri Melayu pertama yang diwujudkan di Semenanjung Tanah Melayu. Wan Mohd. Noor berasal dari keluarga Ngah Ibrahim dan pada 1937 berkhidmat dengan Pejabat Kesihatan. Ali bin Haji Hussain pada masa itu memegang jawatan Pembantu Pegawai Kehutanan. Persatuan itu memberi perhatian kepada kedudukan sosial-ekonomi orang Melayu tetapi telah mengubah haluannya selepas 1938 kerana Wan Mohd. Noor dan Ali bin Haji Hussain telah dipindah ke tempat lain.

Ali bin Haji Hussain ialah saudara pada Mustapha bin Haji Hussain yang terkenal sebagai salah seorang pemimpin Kesatuan Melayu Muda. Tetapi Mustapha bin Haji Hussain terlibat di dalam pertubuhan politik semasa beliau mengajar di Sekolah Pertanian Serdang dan bukan di Taiping. Beliau dilantik sebagai Naib Yang



Patong Col. R. F. S. Walker C.M.G.

Dipertua Kesatuan Melayu Muda yang diketuai oleh Ibrahim Yaacob. Kesatuan itu ditubuhkan pada 1938 dan merupakan parti politik kebangsaan Melayu yang pertama.

Di Perak, Kesatuan Melayu Muda menubuhkan cawangan pertamanya di Taiping pada akhir 1938. Dipercayai penubuhan K.M.M. Perak berlaku di kediaman Pachik bin Ahmad iaitu No. 126, Lorong Dua, Jalan Stephens, Kampung Boyan. Perjumpaan pertama itu dihadiri oleh 8 orang dan dianjurkan oleh Pachik Ahmad sendiri dan Mohd. Hanafiah Abdul Rahman. Pachik Ahmad berasal dari Pulau Pinang dan mendapat pendidikan di Madrasah al-Masyhor; Mohd. Hanafiah adalah orang Taiping dan pernah menuntut di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim. Adalah difahamkan bahawa mereka berdua itu mula berkenalan waktu melibatkan diri dalam Sahabat Pena, Mohd. Hanafiah sebagai Setiausaha Agung dan Pachik Ahmad sebagai Naib-Pengerusi. Ibrahim Yaacob sendiri telah datang ke Taiping untuk memberi penjelasan kepada Pachik Ahmad dan rakan-rakannya tentang perjuangan K.M.M. Dari Taiping pengaruh K.M.M. merebak ke kawasan-kawasan lain di Perak terutamanya di Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol kerana Pengetua Maahad itu, Abu Bakar al-Baqir, adalah di antara ahli jawatankuasa cawangan K.M.M. di Taiping. Ibrahim kemudian kembali ke Taiping pada pertengahan 1945 untuk berunding dengan pihak Jepun tentang kemungkinan Tanah Melayu diberikan kemerdekaan bersama-sama dengan Indonesia. Bersabit dengan perkara ini satu pertemuan di antara pemimpin Indonesia dengan Ibrahim Yaacob telah berlangsung di Taiping pada 12 Ogos 1945. Dua orang pemimpin Indonesia yang datang ke Taiping ialah Sukarno dan Mohd. Hatta. Mereka singgah di sana dalam perjalanan balik ke Indonesia setelah melawat Saigon.

Sukan

Salah satu warisan daripada zaman penjajah yang besar kemungkinan akan berkekalan ialah beberapa jenis sukan. Yang paling popular di negara ini, tak dapat disangkal, ialah bolasepak. Tetapi masyarakat Barat di negara ini dahulu juga berminat dalam sukan seperti tenis, kriket dan ragbi. Salah seorang pegawai Inggeris yang banyak memberi galakan kepada sukan ialah Lt. Kol. R.S.F. Walker. Beliau sendiri amat handal dalam bidang kriket dan bolasepak. Maka di Taiping pada 1889 telah diadakan, buat kali pertama, perlawanan kriket antara negeri iaitu di antara Perak dengan Selangor. Selanjut-

nya pertemuan di antara dua negeri itu bukan hanya diadakan setiap tahun bahkan pasukan Pulau Pinang dan Singapura juga menyertai perlawanan antara negeri menjadikan keadaan amat meriah. Selain daripada Walker, Frank Swettenham dan E.W. Birch juga pernah memberi galakan kepada kriket dan, seperti Walker, mereka berdua ini juga mewakili Perak.

Walker juga memainkan peranan utama memulakan perlawanan bolasepak di Perak; beliau telah mendermakan suatu piala untuk dipertandingkan oleh berbagai pasukan. Taiping, sebagai bandar terkemuka di Perak telah diwakili oleh 4 pasukan iaitu bandar Taiping, *Taiping Recreation Club*, Sekolah King Edward VII dan Matang. Pasukan-pasukan lain yang pernah menyertai pertandingan itu ialah Kuala Kangsar, Ipoh, Batu Gajah, Tapah dan Teluk Anson. Bolasepak kemudian begitu popular di daerah Larut sehingga di kawasan Matang sendiri, dalam awal 1920-an telah ada liga yang berasingan dengan piala yang didermakan oleh H. Sperling tuan punyai *Matang Estate*; beberapa pasukan dari Taiping menyertai liga itu.

Oleh kerana kaum Eropah sangat berminat dalam sukan maka mereka kemudian telah menggalakkan penduduk tempatan supaya menyertai sukan-sukan seperti bolasepak, kriket, hoki dan ragbi. Pada peringkat awal, kaum Eropah memberi tunjuk ajar kepada murid-murid sekolah dan sebagai sekolah yang utama di Taiping, sekolah King Edward mendahului sekolah-sekolah lain di Semenanjung ini dalam bidang sukan. Sekolah itu pada 1902 berjaya memenangi Piala Walker. Pemain-pemain yang berkebolehan waktu itu ialah, di antaranya, dua orang adik beradik W.H. Toft dan E.H. Toft, Chung Ah Ming dan mungkin yang paling terkemuka P.C. Lesslar. Mereka ini mewakili negeri Perak. Kemudian apabila sekolah-sekolah lain juga mulai memperkenalkan bolasepak telah diadakan perlawanan tahunan di antara King Edward dengan sekolah-sekolah lain terutamanya dengan Sekolah Anderson Ipoh. Pengetua sekolah, R. Stainer, sendiri memberi galakan kepada perlawanan di antara sekolah.

Dalam bidang hoki pula, murid-murid King Edward banyak mendapat bimbingan daripada anggota-anggota *Malay States Guides*. Orang India memang handal dalam permainan hoki dan sebelum Perang Dunia II tidak pernah dikalahkan dalam perlawanan hoki di Sukan Olympik. Taiping juga mendahului bandar-bandar lain dalam bidang hoki kerana pertandingan di antara kelab telah bermula di Taiping tidak lewat daripada awal kurun ke-20.

Sekolah King Edward merupakan tempat pertama di negara ini

di mana orang-orang tempatan mula-mula sekali menyertai permainan ragbi. Permainan itu diperkenalkan oleh orang Inggeris seperti Kpt. Newbould, J.D. Mead dan H.P. Bryson. Salah seorang pemain sekolah itu yang kemudian tetap terkenal dalam bidang ragbi ialah Lim Swee Aun (kemudian Dr. dan pernah menjadi menteri dalam Kabinet Tunku Abdul Rahman).

Perkembangan sukan berlaku dengan amat pesat dalam 1930-an. Bolasepak tetap menjadi permainan yang paling popular. Pada pertengahan 1930-an, pasukan bolasepak yang terkemuka termasuk Larut Peranakan Club dan Tekka Tin. Beberapa orang pemain mewakili Perak dalam pertandingan Piala Malaya, di antara yang sangat terkenal ialah Liew Kam Yoong (penjaga gol), Chin Guan Lean (bek kanan) dan Wan Kim Chan (sayap kanan).

Badminton juga suatu permainan yang popular. Pada 1930-an ada beberapa pasukan badminton di Taiping seperti *Taiping Physical Culture League*, *Lodge Badminton Party*, *Evergreen*, *Freshmen*, *Ann Cheng Party* dan *Catchments*. Pada 17 Mei 1935 telah ditubuhkan *Taiping and District Badminton Association*.


Taiping mendahului bandar-bandar lain dalam bidang olahraga kerana pada 10 April 1908 telah diadakan kejohanan olahraga Sekolah King Edward VII. Bangunan dan padang sekolah telah dihiaskan dengan bendera-bendera dan bunga-bunga oleh *Malay States Guides*. Maka sekolah inilah kemudian melahirkan olahragawan yang sangat terkenal seperti Alladad Khan. Sesungguhnya beliau bukan hanya terkemuka dalam bidang olahraga (iaitu sebagai *sprinter*), beliau adalah ahli sukan yang serba boleh kerana selain daripada olahraga beliau juga mewakili Perak dalam bolasepak, ragbi dan hoki.

Pertandingan sukan di Taiping sebelum Perang Dunia II amatlah hebat kerana, walaupun selepas Perang Dunia II, *Malay States Guides* telah dibubarkan, ahli-ahli sukan terdiri daripada penduduk-penduduk tempatan, orang Eropah (beberapa orang daripada mereka pernah giat di negara sendiri sebelum datang ke Tanah Melayu) dan askar-askar dari India dan Burma (*Burma Rifles*) yang berkhidmat dengan British.

Dalam masyarakat yang didominasi oleh orang Barat kebanyakan kemudahan yang ada terutama sekali adalah untuk faedah dan penggunaan mereka. Maka sebagaimana telah disebutkan berbagai jenis sukan itu mula-mula disertai oleh orang Barat kemudian, khususnya melalui sekolah, orang tempatan mempelajari sukan-sukan itu. Walaupun kebanyakan sukan, seperti bolasepak, ragbi dan kriket adalah untuk lelaki, kaum wanita Barat tidak diketepikan samasekali. Tenis merupakan permainan yang sama-sama disertai oleh kaum lelaki dan



Pejabat Kerajaan Taiping.



Bangunan Muzium Perak, Taiping.

wanita. Hoki melalui wanita Barat kemudian menjadi permainan yang popular di sekolah-sekolah perempuan.

Di Taiping wanita-wanita Barat (isteri-isteri pegawai) bukan hanya berminat dalam tenis, pada April 1903, sekumpulan wanita itu telah mengadakan perjumpaan di mana sebuah pertubuhan — *Perak Ladies' Rifles Association* — telah diasaskan. Dilantik sebagai Yang Dipertua yang pertama ialah isteri Sir J.P. Rodger, Residen Perak. Untuk berlatih menembak mereka diberi kebenaran oleh Lt. Kol. Walker untuk menggunakan padang menembak *Malay States Guides* dan Lt. Kol. Walker sendiri telah memberi beberapa syarahan kepada ahli-ahli persatuan itu. Ramai juga isteri-isteri pegawai yang menganggotai persatuan itu walaupun bilangan ahlinya terumbang-ambing kerana apabila pegawai dipindah maka isterinya terpaksa menarik diri daripada persatuan itu. Pada keseluruhannya persatuan itu giat kerana yang menduduki jawatankuasa kerjanya ialah isteri-isteri pegawai yang tinggi dan isteri Residen menjadi Yang Dipertua persatuan itu.

Sukan dahulu merupakan satu kegemaran dan disertai waktu kelapangan. Bandar-bandar di Semenanjung, termasuk Taiping, tidaklah begitu besar. Bagi mereka yang tinggal agak jauh sedikit daripada pusat bandar, basikal adalah bentuk pengangkutan yang biasa. Maka tidak banyak masa yang dibuang untuk ahli sukan berkumpul di satu-satu tempat untuk mengadakan perlawanan. Tidak sukar juga untuk para penonton berkumpul di tempat permainan. Setiap kali diadakan permainan suasana yang ditimbulkan amatlah meriah. Tetapi sebagai bandar yang utama di Semenanjung (sehingga 1896 apabila Kuala Lumpur muncul sebagai ibukota Negeri-negeri Melayu Bersekutu) Taiping mempunyai banyak lagi kemudahan yang istimewa untuk pegawai-pegawai Eropah dan mereka yang dapat menyesuaikan diri dengan kebudayaan Barat.

Kemudahan - kemudahan Istimema

Muzium yang pertama di negara ini dibina di Taiping; dahulunya ia dikenali sebagai *Perak State Museum*. Muzium itu dicadangkan oleh Hugh Low dan perkembangannya adalah akibat usaha Leonard Wray yang dilantik sebagai kurator setelah beliau berkhidmat sebagai Merinyu *Government Hill Gardens* di Larut. Muzium itu dimulakan pada 1883 dengan menggunakan dua bilik di dalam bangunan Kerajaan. Bangunan baharunya (yang masih kekal hingga sekarang) telah siap dibina pada 1885. Pada 1906, barang-barang yang dipamerkan telah dirakamkan kepada 13,000 kad.



Padang Lumba Kuda, Taiping



(sekarang Sekolah Rendah Cina Hwa Lian).

Walaupun Muzium itu memberi keutamaan kepada kebudayaan tempatan, koleksinya termasuk barang-barang dari negeri China, India, Arab, Jepun, Sumatra, Fiji, Borneo, Papua, Siam dsb. Terdapat juga gambar-gambar berbagai sukubangsa yang menghuni kawasan-kawasan di Kepulauan Melayu serta rantau yang berhampiran dengannya. Bahagian sejarah pula mengandungi senjata, pedang, benet dan peninggalan-peninggalan lain daripada rusuhan orang Cina (Perang Larut) bersama-sama dengan peluru, kaca dan tembikar yang digunakan oleh angkatan tentera yang dihantar untuk mematahkan kebangkitan di Pahang. Selain daripada itu, dipamerkan juga matawang lama termasuk matawang zaman Kompeni Hindia Timur. Keseluruhannya, pameran-pameran di Muzium itu dianggap sangat menarik.

Salah satu kegemaran orang Barat dan orang tempatan yang berada pada masa awal-awal lagi di Taiping ialah lumba kuda. *Perak Turf Club* telah dimulakan pada 1886 dan sekali lagi Lt. Kol. Walker memainkan peranan utama mengasaskan kelab itu. Lumba kuda sebagaimana dikenali di negara ini bermula di gelanggang di Taiping (lebih kurang tiga batu dari pusat bandar). Perlumbaan biasanya diadakan dalam bulan Ogos dan kuda dari Burma digunakan. Setiap kali diadakan perlumbaan maka amat meriahlah suasananya. Ia seolah-olah dianggap satu majlis sosial yang memberi kesempatan kepada pergaulan di kalangan masyarakat atasan. Dua orang anak Kapitan Cina Chung Ah Kwee (salah seorang ketua Hai San dewasa Perang Larut), iaitu Chung Thye Siong dan Chung Ah Yong, sangat berminat dalam lumba kuda. Kedua-duanya mempunyai kuda lumba, kuda Chung Ah Yong dilatih oleh seorang Eropah.

Perak, sebagai negeri yang paling awal mengalami pembangunan, juga sebagai negeri yang terpenting, mendahului negeri lain dalam menyediakan kemudahan untuk faedah dan kebajikan pegawai-pegawainya. Pada 1884 telah dibina tempat berihat di bukit-bukit di Taiping. Pada awal abad ke-20 telah ada setesyen bukit di banjaran Gunung Hijau dengan lima buah bangelo Kerajaan. Terdapat juga rumah untuk Merinyu Ladang-ladang Kerajaan serta sebuah bangelo sawasta. Perhubungan dengan dunia luar adalah melalui pejabat pos dan telegraf; tambahan pula, setiap bangelo dihubungkan dengan Taiping melalui telefon.

Rumah-rumah yang berada di atas bukit itu ialah:

The Cottage: kediaman Residen-Jeneral, terletak di Bukit Caulfield lebih kurang 4,513 kaki ke atas paras laut dan jaraknya dari kaki bukit melalui lorong adalah lebih kurang sembilan batu. Rumah ini dibuat daripada batu bata. Jumlah perbelanjaan untuk membina



Pemandangan Bandar Taiping.



Bandar Taiping tahun 1907.

rumah itu ialah \$12,000. Pembinaan rumah itu bermula pada 1884 dan telah diperbaiki beberapa kali.

The Box: kediaman Residen Perak, terletak 4,076 ke atas paras laut dan lebih kurang delapan batu dari kaki bukit. Ada taman bunga ros yang mengelilingi rumah itu.

The Nest: bangelo swasta; pada asalnya dibina untuk satu keluarga dari Singapura tetapi pada awal abad ke-20 telah ditukar miliknya kepada Mubaligh Amerika. Terletak di tempat lebih rendah sedikit daripada *The Box*.

The Hut: untuk penggunaan pegawai-pegawai Kerajaan Perak; dibina pada 1889 dan berjumlah \$2,000 kemudian diperbaiki dengan perbelanjaan \$500. Rumah ini adalah tujuh batu dari kaki bukit dan 3,700 kaki ke atas paras laut.

The Federal Bungalow: dibina pada tahun 1906 untuk penggunaan pegawai-pegawai dalam perjawatan Kerajaan Persekutuan; di bawah *The Hut*. Bangelo ini sebenarnya terdiri daripada dua buah rumah yang berasingan tetapi dihubungkan dengan pelaluan yang

Maxwell's Hill: rumah kecil yang pertama untuk penggunaan pegawai-pegawai Kerajaan Perak; dibina pada 1887 dengan harga \$600; kemudian diperbesar dan dibaiki dengan perbelanjaan \$2,350. Rumah ini berdiri di teres 3,396 kaki ke atas paras laut dan lebih kurang enam setengah batu dari kaki bukit.

The Tea Gardens: juga untuk penggunaan pegawai-pegawai Kerajaan Perak; terletak 2,152 kaki ke atas paras laut dan empat tiga-suku batu dari kaki bukit. Dibina pada 1887 dengan harga \$3,600 kemudian diperbesarkan dengan harga \$5,100. Pada asalnya terdapat ladang teh (jenis Assam) di kawasan rumah; ia merupakan satu eksperimen tetapi kemudian telah dibaikan kerana perkembangan perladangan teh di Selan jauh lebih maju.

Setesyen bukit itu bukan hanya memberi kesempatan kepada orang Barat menikmati keadaan iklim yang lebih kurang sama dengan yang terdapat di negera mereka sendiri bahkan suasana di atas bukit itu juga dijadikan lebih kurang 'Eropah' pada sifatnya. Tumbuh-tumbuhan dan sayur-sayuran yang ditanam adalah daripada jenis Eropah. Mereka yang berihat di atas bukit dapat makan sayur-sayuran seperti kacang Perancis, lobak, ubi manis, kobis, tomato dan asparagus. Lembu diternakkan supaya mudah mendapatkan daging dan susu. Orang Eropah dapat juga berjalan-jalan di kebun bunga, satu kegemaran mereka. Walaupun pada awal abad ke-20 telah ada setesyen bukit lain - di Gunung Kledang (Kinta), Bukit Kutu (Selangor), Gunung Angsi (Negeri Sembilan), dan Bukit Pinang (Pulau Pinang), setesyen di banjaran Gunung Hijau, Taiping, adalah termaju.



Pemandangan Bandar Taiping dari Bukit Jelutong.



Bangunan Pejabat Kerajaan Taiping.

Taiping juga merupakan tempat pertama di Perak di mana lapangan untuk pendaratan kapal terbang dibina. Pembinaan lapangan itu bermula pada 1930 dan telah diselesaikan pada 1931. Pada 6 November 1931, dua buah kapal terbang daripada Angkatan Udara Diraja (*Royal Air Force*) telah mendarat di lapangan itu yang mempunyai landasan 920 hela panjang dan 880 hela lebarnya.

Satu Era Berlalu

Walaupun lapangan terbang yang pertama di Perak diadakan di Taiping, pada waktu itu telah dibuat rancangan untuk memindahkan pusat pentadbiran ke Ipoh yang jauh lebih maju dari segi perkembangan ekonomi. Perpindahan itu mula-mula dicadangkan oleh Pesuruhjaya Tinggi (Hugh Clifford) sendiri di Majlis Persekutuan pada 1927 tetapi tiada tindakan diambil sehingga 1937. Rancangannya ialah untuk melakukan perpindahan itu dengan beransur-ansur dalam masa tujuh tahun.

Apabila kedengaran berita tentang cadangan perpindahan itu satu golongan penduduk Taiping — mereka yang berpelajaran — telah menyuarakan bantahannya. Untuk menjadikan suara mereka lebih lantang mereka telah menerbitkan sebuah akhbar — *Taiping Weekly Record*. Penduduk Ipoh yang mendesak supaya perpindahan itu dilakukan sebenarnya mempunyai akhbar juga untuk menyuarakan pendapat mereka; akhbar itu ialah *Times of Malaya*. Yang memainkan peranan utama dalam penerbitan akhbar Taiping itu ialah Yeoh Teng Khoo, seorang guru, juga ahli sukan yang terkenal.

Penduduk Taiping berpendapat bahawa di Taipinglah mula-mula diletakkan asas pemerintahan yang tersusun, perniagaan yang makmur serta kedamaian di antara berbagai kaum. Justeru itu Taiping adalah bandar yang terkanan; memang sesuaialah ia dijadikan ibukota negeri Perak. Taiping, bahkan dianggap sebagai suatu carta melambangkan kedamaian yang menjadi punca kemakmuran dan kemakmuran adalah alasan yang ditonjolkan oleh penduduk Ipoh yang mendesak supaya pusat pentadbiran dipindah ke situ. Ipoh, menurut penduduk Taiping, walaupun besar dan penting, tiada hak dari segi perlembagaan, sejarah atau ekonomi untuk menjadi bandaraya pertama di Perak. Kekayaan Ipoh adalah terbatas kerana lambat laun pengeluaran bijih timah akan merosot.

Selain daripada akhbar *Taiping Weekly Record*, ahli-ahli Majlis Negeri yang berasal dari Taiping seperti Toh Eng Hoe dan Dr. Saw Ah Choy juga berkali-kali terlibat di dalam perbahasan mengenai



Landasan Keretapi Taiping ke Port Weld tahun 1885.



Deretan rumah kedai Taiping.

isu itu. Tetapi kesemua bantahan itu tidak berhasil. Perang Dunia II tidak juga melambatkan perpindahan yang telah bermula pada 1937. Bila tamat sahaja zaman Pendudukan Jepun, iaitu delapan tahun daripada 1937, pusat pentadbiran tetap dipindah ke Ipoh. Taiping menggantikan Ipoh sebagai bandar yang kedua pentingnya di Perak sehingga hari ini.

Peninggalan-peninggalan daripada zaman Taiping menjadi ibukota masih ada. Yang sudah lapuk kerana telah lama tidak digunakan lagi ialah jalan keretapi Taiping – Port Weld. Taiping kini menjadi tempat persinggahan penting keretapi Kuala Lumpur – Butterworth tetapi setesyen keretapi di Port Weld samasekali tidak dijaga justeru itu dalam keadaan kopak-kapek. Peninggalan yang masih berfungsi ialah penjara yang pernah menjadi penjara utama di Tanah Melayu. Pada suatu ketika dahulu penjenayah yang menjalani hukuman lebih daripada satu tahun dikurangkan di penjara Taiping. Bangunan-bangunan lain yang masih ada dan melambangkan kedudukan luhur Taiping dahulu termasuklah Residen dan pejabat-pejabat Kerajaan.

Taiping masih mempunyai kemudahan-kemudahan untuk sukan yang tidak terdapat di bandar-bandar lain di Perak kecuali Ipoh seperti stadium dan kolam berenang serta tempat-tempat untuk beristirehat seperti Bukit Maxwell dan tasik. Mungkin yang paling penting Taiping mempunyai sejarah yang menarik yang sepatutnya ditonjolkan kerana Taiping pada suatu waktu dahulu adalah bandar utama di Semenanjung Tanah Melayu.



Rumah Residen Taiping.



Jabatan Kerjaya Taiping.



Bangunan Pejabat Kerajaan Taiping.



Pemandangan Bandar Taiping dari Bukit Jelutong.



Bangunan Jam Besar Taiping

WITH BEST COMPLIMENTS
FROM

**DOMINOS RESTAURANT
SDN. BHD.**

39-45, JALAN STESEN, TAIPING, PERAK.
TEL: 825142, 824578

Comfy Corner

Coffee House Sdn. Bhd.
61, Jalan Pasar, Taiping, Perak.
Tel: 823411

Le Gourmet

Grill Cum Cocktail Lounge
1st Floor, 43-45, Jalan Stesen,
Taiping, Perak.
Tel: 825141

WITH
BEST
COMPLIMENTS
FROM A
TEXTILE
COMPANY
THAT

MATERIALISES
ALL
LOVELY
IDEAS

MALI SDN BHD
KAMUNTING INDUSTRIAL ESTATE
TAIPING
TEL.: (05) 822246, 823499,
& 822713.

MAH POH CHEONG CO. SDN. BHD.

MANAGING DIRECTOR

DATO' MAH POI NU D.P.M.P., J.P.

Office: 46, Kota Road, Taiping, Perak.
Tel. No: 822297

Workshop: 418, 419, Coronation Road, Taiping.
Tel. No: 823939

1938-F, Batak Rabbit Road, Teluk Anson.
Tel. No: 513

WITH BEST COMPLIMENTS
FROM

**TAIPING TYRE
SENDIRIAN BERHAD
GUDANG KERETAPI**

Jalan Raja Salim, Taiping, Perak.

Tel: 823153 @ 823340

And

Krian Motor Sendirian Berhad

157, Jalan Kamunting,

Kamunting,

Taiping.

Tel. No: 822979

SANYO
With Compliments

**SANYO INDUSTRIES (M)
BERHAD**

Registered Office:

6th Floor, Oriental Plaza, Jalan Parry,
Kuala Lumpur. Tel: 84872

Factory:

Kamunting Industrial Estate, P.O. Box 78
Taiping, Perak. Tel: 825266
Manufacturers Of Quality Home Appliances
And Electrical Products

WITH BEST COMPLIMENTS FROM

SOUTH EAST ASIA INSURANCE BERHAD

(incorporated in Malaysia)

(in joint venture with the Korean Reinsurance Co. of South Korea)
9TH FLOOR, BANGUNAN YAYASAN SELANGOR,
JALAN BUKIT BINTANG, KUALA LUMPUR.
Cable "SEAINSUR"
Telex "SEAINS" MA 30066

TRANSACTING ALL CLASSES OF GENERAL INSURANCE

Branch Office at:

**Johore Bahru, Kuantan, Malacca, Ipoh (Northern Region Office),
Sitiawan, Taiping, Sungai Patani, Alor Setar, Penang, Teluk Anson,
Kota Kinabalu, Sandakan, Kuching, Miri.**

**Taiping Office: 84, (1ST FLOOR) MAIN ROAD, TAIPING, PERAK.
Tel. No: 825349**

ASSOCIATE OFFICE:- UNITED KINGDOM AND FAR EAST

Diucapkan Selamat Maju Jaya
Daripada

**SYARIKAT SENING
SDN. BHD.**

152, Jalan Besar, Taiping.
Phone No: 823842
P.O. Box 14.

BUILDING SITE KAMPONG BOYAN

22 JAN 1983


**With Best Compliments
from**

TAIPING

TEXTILES

BERHAD

TAIPING.





**Dengan Ingatan Tulus
Ikhlas**

daripada



ABDUL RAHMAN SOUVENIR SHOP

MUZIUM NEGARA, KUALA LUMPUR, MALAYSIA. TEL: 205529-1

